

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

04  
SEP

## BRAINY MOO CHOCO DRINKS BAWA PULANG RM30,000 SEED FUND



NIBONG TEBAL, 4 September 2016 - Koperasi Siswa Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal Berhad berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Pertandingan Hi-Per Student Co-operatives 2016 membawa pulang wang tunai RM30,000 sebagai 'seed fund' anjuran bersama Teraju, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ANGKASA dan INSKEN dengan hadiah disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia Dr. Noor Zari Hamat.

Kosiswa USM Kejuruteraan adalah antara 10 Koperasi Siswa yang layak ke pusingan akhir Disember 2016 untuk merebut 'seed fund' bernilai RM100,000.

Menurut Ahli Lembaga Koperasi Mohd Nur Badri bin Mohd Nazli selaku Penasihat Projek, Brainy Moo Choco Drinks merupakan jenama yang dimiliki oleh Koperasi Siswa USM kejuruteraan Nibong Tebal Berhad sebagai produk pertamanya.



"Brainy Moo Choco Drinks adalah minuman koko yang kaya dengan Stevia, Gingko Biloba dan Flavonoid serta rendah kandungan gula, rasa coklat asli tanpa kolesterol.

"Minuman ini diformulasi oleh warga Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral iaitu pensyarah Profesor Madya Dr. Ahmad Badri Ismail, Pegawai Latihan Vokasional Muhamad Azwan bin Mad Naser dan pelajar Ph.D. Muhamad Afiq Misman," jelas Felo Keusahawanan Kampus Kejuruteraan ini.

Tambahnya, pertandingan ini memerlukan peserta menyediakan rancangan perniagaan serta membentangkannya dalam sesi 'Business Pitching' selama 2 minit dan diadili oleh pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ANGKASA, INSKEN dan Teraju.



Koperasi Siswa USM Kejuruteraan Nibong Tebal Berhad diwakili oleh Ahli-ahli Lembaga Koperasi iaitu pelajar-pelajar tahun 2 dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral iaitu Muhammad Azrin bin Abd Jamil, Mohd Amiruddin bin Zahari, Muhamad Syazwan bin Norilham, Azfar Husni Bin Idris, Nur Raihan binti Ridzwan dan Nur Diyana Syazni binti Sharin.

Teks: Hafiz Meah Ghouse Meah / Foto: Nur Akmar binti Idris



Share This

